

PUSTAKA BULETIN PNM



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

BILANGAN 3/2022

SEPT. - DIS. 2022
ISSN: 0128-8679



PNM PINDAH KE KPN

LAWATAN KERJA

YB Menteri Datuk Aaron Ago Dagang
Menteri Perpaduan Negara



BAHASA

PNM Memartabat
Bahasa Melayu Kepada
Ekspatriat

MANUSKRIP

Kodikologi Dan Paleografi
Manuskrip Melayu

SUKAN

Silaturahim Warga
PNM Dieratkan



©Perpustakaan Negara Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula atau ditukarkan dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia
Data-Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Buletin Pustaka / Perpustakaan Negara Malaysia,
-1985 -.

- Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara
Malaysia, 1985 - .Tahunan
ISSN 0128-8679

1.Libraries, National --Malaysia.
2.Corporation reports.

Sidang Redaksi PUSTAKA

Buletin PNM

Penaung

Puan Salasiah binti Abdul Wahab

Ketua Editor

Puan Suhaila binti Abd Rahman

Editor

Encik Rowland Arah

Koordinator Penerbitan

Encik Wan Yuhaimisham bin Wan Yusoff
Cik Nur Amalina binti Mohamad

Penolong Koordinator Penerbitan

Puan Nur Amirah binti Anuar
Encik Ahmad Zaki bin Zakaria

Terbitan:

Bahagian Komunikasi Korporat
Perpustakaan Negara Malaysia
232, Jalan Tun Razak
50572 Kuala Lumpur

+603-2687 1700

www.pnm.gov.my

PerpustakaanNegaraMalaysia

PNM_Rasmi

pnm_rasmi

pnmytube

PNMRasmi

pnmsaluransosial2

pnm_rasmi





KANDUNGAN PUSTAKA

Buletin PNM

- 03** Petugas Kaunter Cemerlang Oktober - Disember 2022
- 06** Bicara Malaysiana: Antara Martabat dan Daulat
- 07** Diskusi Digital@PNM 2022: Pembelajaran Secara Maya: Cabaran dan Masa Depan
- 09** Seminar Literasi Media dan Maklumat Kebangsaan 2022
- 11** Semarak Jawi
- 13** Singgah Santai@PNM
- 15** Bicara Intelektual: Berani Berubah, Kembali Membara
- 16** Kursus Pengukuhan Imej dan Etika Korporat
- 17** Jom Sukan PNM 2022
- 19** *Technology Talk* dan Hari KM2U
- 20** Bengkel Bahasa Melayu Komunikasi Untuk Ekspatriat
- 22** Bengkel Kodikologi dan Paleografi Manuskrip Melayu
- 23** Majlis Pelancaran dan Tayangan Perdana: Dokumentasi Khas Kalam Karyawan SN Datuk Dr. Siti Zainon binti Ismail dan Dokumenteri Koleksi Nadir Malaysiana
- 25** Bacaan Kegemaran Saya
- 25** IFLA Regional Workshop: Towards a Sustainable Library Field in Asia-Oceania
- 27** Kesantunan Bahasa Dalam Citra Kehidupan Keluarga Malaysia
- 27** PNM Berpindah ke KPN
- 28** Lawatan Kerja YB Menteri Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara ke Perpustakaan Negara Malaysia (PNM)
- 29** Kunjungan Hormat dan Lawatan Kerja ke PNM
- 31** Poster Riang Ria Cuti Sekolah PNM Disember 2022
- 32** Eksplorasi Digital@uPustaka



Pesan Bunda

Saling mempercayai merupakan nilai yang paling besar dalam sebuah perhubungan dan kehidupan.



TAHNIHAH



**BEATRICE CAROLINA LIM @
NUR AL JANNA AISYA**
Pembantu Pustakawan
Bahagian Komunikasi Korporat

NORFADZILAH UYOB
Pembantu Pustakawan
Pusat Rujukan Malaysiana dan
Luar Negara

PETUGAS KAUNTER CEMERLANG

OKTOBER - DISEMBER 2022



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

BICARA MALAYSIANA:

Antara Martabat & Daulat

14 SEPTEMBER 2022

10.00 PAGI - 1.00 TENGAH HARI

ARAS 10, MENARA PNM
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



BERSAMA PEMBICARA:

YBRS. DR. AHMAD KAMAL ARIFFIN BIN MOHD RUS
Universiti Malaya

YBRS. DR. SUFFIAN BIN MANSOR
Universiti Kebangsaan Malaysia





Tetamu jemputan merakam gambar kenang-kenangan bersempena program ini.

Oleh : Jasreena binti Jamil

Program Bicara Malaysiana: Antara Martabat dan Daulat telah berjaya dilaksanakan pada 14 September 2022 secara hibrid iaitu secara bersemuka dan dalam talian melalui YouTube PNM TV Channel. Program ini diadakan bersempena dengan sambutan Hari Malaysia dan bertujuan untuk memperingati penubuhan Persekutuan Malaysia pada tahun 1963 hasil penggabungan Malaya, Borneo Utara, Sarawak dan Singapura.

Dua (2) orang pembicara telah dijemput untuk menyampaikan ceramah dalam program ini iaitu YBrs. Dr. Ahmad Kamal Ariffin bin Mohd Rus, Pensyarah Kanan, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya dan YBrs. Dr. Suffian bin Mansor, Ketua Program Sejarah, Pusat Kajian Sejarah dan Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia. YBrs. Dr. Ahmad Kamal Ariffin telah menyampaikan ceramah mengenai sejarah pembentukan Persekutuan Malaysia manakala YBrs. Dr. Suffian bin Mansor mengupas topik mengenai isu dan cabaran yang dihadapi dalam pembentukan Persekutuan Malaysia.

Program yang berlangsung selama tiga (3) jam ini bermula pada pukul 10.00 pagi sehingga 1.00 tengah hari dan telah memberi manfaat kepada 160 orang peserta fizikal dan 143 orang peserta dalam talian yang terdiri daripada kakitangan Perpustakaan Negara Malaysia, agensi kerajaan dan swasta, pelajar IPTA dan IPTS serta orang awam.

Majoriti peserta berpuas hati dengan program ini dan mencadangkan agar program keilmuan seperti ini diteruskan pada setiap tahun untuk menambah pengetahuan serta memupuk jati diri generasi kini dan akan datang.



YBrs. Dr Suffian berkongsi ilmu mengenai isu dan cabaran pembentukan Persekutuan Malaysia.



YBrs. Dr. Ahmad Kamal Ariffin bin Mohd Rus berbicara mengenai sejarah pembentukan Persekutuan Malaysia.

Diskusi Digital@PNM 2022 PEMBELAJARAN SECARA MAYA: CABARAN DAN MASA DEPAN

Oleh : Tamimi bin Hj Taib dan
Nor Azlin bin Sahamed

Program ini dilaksanakan secara hibrid yakni secara fizikal di Aras 10, Menara PNM pada 20 September 2022 yang lalu dengan kehadiran 56 orang secara fizikal yang turut dihadiri oleh pelajar dan guru daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Puteri Titiwangsa dan ditonton menerusi siaran langsung PNM TV Channel dengan jumlah seramai 320 penonton.

Diskusi Digital@PNM 2022 dirancang bertemakan Pembelajaran Secara Maya: Cabaran dan Masa Depan bertujuan untuk memberi pendedahan dan kesedaran kepada orang ramai berkaitan teknologi pembelajaran secara maya serta cabaran dan masa depan trend pembelajaran moden ini. Masyarakat perlu bersedia untuk beralih kepada platform e-pembelajaran dan alternatif digital sebagai cara untuk mengatasi cabaran semasa. Perkara ini telah pun berlaku dalam senario berkaitan Pandemik Covid -19 yang melanda dunia sejak tahun 2020 sehingga kini. Ibu bapa yang perlu bekerja dari rumah, boleh mengambil peluang itu untuk memastikan anak-anak mereka terlibat dalam aktiviti positif dan kandungan yang memberi manfaat untuk memperoleh pengetahuan melalui cara baharu. Pembelajaran secara maya dijangka akan memberi impak ke arah masyarakat digital yang lebih inklusif di Malaysia.



Puan Shamsinar, Penolong Pengarah PNM (kiri) menjadi moderator dalam sesi perkongsian ilmu "Pembelajaran Secara Maya: Cabaran dan Masa Depan".

Sesi Bual Bicara, "Pembelajaran Secara Maya: Cabaran Dan Masa Depan"

Perkongsian ilmu ini menampilkan panel pertama Dr. Wagheh Syukri bin Hassan, Timbalan Pengarah Sektor Pelantar Pembelajaran, Bahagian Sumber Dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia. Beliau berkongsi pengalaman dan ilmu berkaitan dengan pembelajaran secara maya yang menjadi trend pembelajaran digital pada masa kini, dan berpengalaman luas dalam pembangunan platform digital, *Digital Educational Learning Initiative Malaysia* (DELIMA) untuk pembelajaran dalam talian bagi Kementerian Pendidikan Malaysia. Panel kedua menampilkan Encik Kamarulzamri bin Bakar, Guru Penyelaras Bestari dari Sekolah Menengah Sains Tuanku Jaafar. Beliau turut memberi pendedahan, kesedaran disamping berkongsi pengalaman dengan masyarakat berkaitan teknologi pembelajaran secara maya dan cabaran dan masa depan trend pembelajaran era moden ini. Sesi bual bicara ini telah dimudahcarakan oleh adalah Puan Shamsinar binti Baharom, Penolong Pengarah daripada Bahagian Rangkaian Sistem Perpustakaan, Perpustakaan Negara Malaysia.



Literasi Media dan Maklumat



Sesi LMM oleh En. Mohd Faris bin Mohd Ashaari, Penolong Pustakawan, BGLM .

Pada sesi sebelah petang, program diteruskan dengan aktiviti Literasi Media dan Maklumat yang dikendalikan oleh Pasukan Literasi Media dan Maklumat (LMM). Aktiviti Literasi Media dan Maklumat ini diadakan untuk memberi pendedahan mengenai teknik mengenal pasti maklumat dan sumber rujukan, mencari, menilai, mengurus, menyebarkan serta kemahiran dan menggunakan maklumat dengan beretika.

Informasi Digital@u-Pustaka

Informasi Digital@u-Pustaka dikendalikan secara dalam talian melalui PNM TV Channel. Aktiviti ini melibatkan pembekal pangkalan data PNM. Penceramah merupakan tenaga pengajar berkaitan pangkalan data tersebut. Tiga pangkalan data diperkenalkan kepada khalayak pada kali ini, iaitu Pangkalan Data I-Learn ACE, U-Tutor dan J-Gate.

PENGISIAN AKTIVITI 3

- **SESI DEMO (1) PANGKALAN DATA I-LEARN ACE**
- Pembelajaran *e-learning* melalui U-Pustaka
- Oleh Encik Muhammad Fuad Bin Muhd Johari

PENGISIAN AKTIVITI 3

- **SESI DEMO (2) PANGKALAN DATA TUTOR INFINITI**
- Pembelajaran *e-learning* melalui U-Pustaka
- Oleh Encik Norazli Bin Mohd Daud

PENGISIAN AKTIVITI 3

- **SESI DEMO (2) PANGKALAN DATA J-GATE**
- Jurnal kajian dalam talian melalui U-Pustaka
- Oleh Encik Joseph

Guru dan murid dari Sekolah SMK Puteri Titiwangsa merupakan sebahagian daripada tetamu program Diskusi Digital@PNM 2022 yang hadir.





SEMINAR LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT KEBANGSAAN 2022

Oleh : Yazid bin Ibrahim dan Syarifah Azmirina binti Syed Beniamin

Seminar Literasi Media dan Maklumat Kebangsaan 2022 yang berlangsung selama tiga (3) hari dari 27 hingga 29 September 2022 di Hotel Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor telah berjaya dilaksanakan dengan jayanya dengan kehadiran seramai 291 orang peserta. Seminar Literasi Media dan Maklumat Kebangsaan 2022 ini adalah julung kali diadakan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya menerusi Perpustakaan Negara Malaysia dengan kerjasama Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA. Seminar ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri yang diwakili oleh YBrs. Encik Mohd Yusri Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya. Seminar ini bertemakan Literasi Media dan Maklumat melahirkan masyarakat yang bijaksana dan rasional.

Penganjuran seminar adalah bertujuan untuk mengumpulkan penyelidik, pustakawan, professional perkhidmatan maklumat, pakar media, penggubal dasar dan pihak-pihak berkaitan untuk bertukar pengetahuan dan pengalaman serta membincangkan perkembangan terkini dan cabaran semasa dari segi standard, teknik, teori



dan amalan terbaik. Selain daripada itu, seminar ini turut memberi pendedahan kepada peserta seminar mengenai kepentingan literasi maklumat dan mempromosi literasi maklumat sebagai satu budaya utama masyarakat Malaysia.



Seminar Literasi Media dan Maklumat Kebangsaan 2022 telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya, YBrs. Encik Mohd Yusri bin Mohd Yusoff (dua dari kiri).

Mesyuarat Meja Bulat Agenda Literasi Maklumat Negara atau NILA telah diadakan bersempena dengan Seminar Literasi Media dan Maklumat Kebangsaan 2022. Mesyuarat ini telah berjaya mengumpulkan pemegang-pemegang taruh yang berkaitan dengan literasi media dan maklumat seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Perpustakaan Akademik Awam dan Swasta, pustakawan sekolah awam dan swasta



Ahli Mesyuarat Meja Bulat Agenda Literasi Maklumat Negara.

serta agensi kerajaan lain seperti SKMM, MAMPU dan sebagainya. Hasil daripada mesyuarat meja bulat ini, para ahli mesyuarat telah bersetuju dengan cadangan definisi literasi maklumat, definisi celik maklumat dan modul literasi maklumat yang akan diselaraskan dan dijadikan panduan kepada semua jenis perpustakaan di Malaysia dalam mengadakan program/kelas/aktiviti literasi maklumat. Ia juga membolehkan program literasi media dan maklumat negara dapat dirancang, dilaksanakan secara bersepadu serta penilaian dan kajian impak program literasi media dan maklumat dapat dijalankan. Selain itu, prinsip, piawaian dan amalan yang akan menyokong pembelajaran literasi media dan maklumat dalam semua sektor juga akan dapat dihasilkan.

Pada 28 – 29 September 2022 pula diadakan lima (5) sesi pembentangan kertas kerja dan satu (1) sesi resolusi yang mempunyai lima (5) subtema dengan enam (6) pengerusi dan 17 pembentang kertas kerja yang terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan dan swasta. Subtema yang diketengahkan adalah penggunaan media sosial sebagai agen perkongsian maklumat dalam perspektif integriti keselamatan, tahap literasi media dan maklumat masyarakat dalam alaf ke-21, peranan literasi media dan maklumat masyarakat pada alaf ke-21, program literasi media dan maklumat di perpustakaan dan pendidikan literasi media dan maklumat dan cabaran dalam memperoleh maklumat berkesan.

Pada akhir seminar, sebanyak 34 resolusi telah dihasilkan sebagai panduan dalam menyediakan program literasi maklumat dan hala tuju NILA.



Lawatan YBr. Encik Mohd Yusri Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya ke reruai Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM.



Encik Ali Imran dari Warta Hidup tidak ketinggalan mendapatkan penjelasan lanjut daripada panel dalam sesi soal jawab.

Turut diadakan adalah Pertandingan Inovasi Literasi Media dan Maklumat Kebangsaan yang telah disertai oleh seramai 71 kumpulan yang terdiri daripada golongan professional, institut pengajian tinggi dan sekolah. Pertandingan tersebut juga turut disertai dari 53 agensi yang terdiri daripada UiTM, Kolej Komuniti, Universiti Malaya, Kolej Vokasional, Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara, Akademi Sains Pendang dan sekolah-sekolah. Sebanyak 40 kategori hadiah yang telah disediakan iaitu satu (1) kategori Pemenang Diamond, 12 kategori Pemenang Gold, 12 kategori Pemenang Bronze, dua (2) kategori Pemenang Poster Terbaik dan satu (1) kategori Reruai Terbaik.

Secara umumnya, seminar ini telah berjaya mencapai objektif penganjurannya selaras


dengan matlamat dan aspirasi Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya dalam menghadapi cabaran untuk memartabatkan pendidikan literasi maklumat kepada semua golongan masyarakat di Malaysia. Seminar ini telah berjaya dilaksanakan dengan cemerlang hasil daripada kerjasama semua pihak.



Pemenang Anugerah Diamond (NIIDR), Pertandingan Inovasi Literasi Media dan Maklumat Kebangsaan

سماق جاوي

Semarak Jawi



Oleh : Mastura binti Hussin

Program Semarak Jawi 2022 telah dilaksanakan dengan beberapa pengisian untuk menyemarakkan dan membudayakan tulisan Jawi dalam kalangan masyarakat pelbagai peringkat umur dan kaum. Antara pengisian yang telah diadakan ialah Bengkel Klinik Dr. Jawi Siri 1 dan Siri 2, Pertandingan *Doodle* Jawi dan Pertandingan Seni Khat Jawi. Sasaran peserta bagi program pada kali ini adalah penjawat awam dan pelajar institut pengajian tinggi. Sambutan yang diterima daripada peserta adalah amat menggalakkan dengan penyertaan seramai 342 orang.

Bengkel Klinik Dr. Jawi Siri 1 telah diadakan pada 7 - 8 September 2022 di Bilik Syarahan Aras 5, Anjung Bestari, Perpustakaan Negara Malaysia. Bengkel ini disasarkan kepada penjawat awam dan masyarakat umum yang terlibat dalam pendidikan dan pengembangan tulisan Jawi. Sambutan yang diterima daripada peserta adalah amat menggalakkan terutamanya daripada tenaga pengajar dari sekolah-sekolah sekitar Kuala Lumpur dan Selangor.

Bengkel Klinik Dr. Jawi Siri 2 pula telah dilaksanakan dengan kerjasama Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada 12 - 13 Oktober 2022 di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor khusus kepada para pelajar dan kakitangan politeknik. Tenaga pengajar bagi kedua-dua bengkel ini adalah pakar rujuk yang terlatih dan diiktiraf yang juga



Sesi pembelajaran tulisan Jawi bersama Ustazah Siti Rohayu Mario.

merupakan Munsyi Dewan (Jawi) iaitu Ustazah Nur Anita binti Sihab@Abd. Rahman, Ustazah Dalilah binti Desa dan Ustazah Siti Rohayu Mario. Bengkel ini juga menampilkan Encik Rozaini bin Mohd. Jumali Pengarah Strategik, Teknologi Maklumat dan Komunikasi Korporat, Majlis Ugama Islam Pahang, di mana beliau telah memperkenalkan para peserta dengan aplikasi tulisan Jawi iaitu e-Jawi Makmur yang telah dibangunkan oleh Majlis Ugama Islam Pahang bagi memudahkan masyarakat merujuk sebarang kemusykilan berkenaan tulisan Jawi melalui teknologi yang dibangunkan secara cepat dan tepat.

Melalui Bengkel Klinik Jawi Siri 2 juga, telah diadakan pertandingan *Doodle* Jawi dan Seni Khat Jawi. Pemenang tempat pertama bagi pertandingan *Doodle* Jawi ialah Imanmunnisa binti Mohd Amin, tempat kedua pula dimenangi oleh Aizat bin Saharuddin dan tempat ketiga dimenangi oleh Nor Ain Atiqah binti Abu Bakar. Manakala pemenang tempat pertama bagi pertandingan Seni Khat Jawi pula ialah Luqman bin Shairul, tempat kedua dimenangi oleh Nur Fatin Najwa binti Mohd Som dan tempat ketiga dimenangi oleh Muhammad Hamizan bin Haikal.

Secara keseluruhannya, program ini berjaya menambah minat membaca dan menguasai tulisan Jawi dalam kalangan masyarakat terutamanya golongan belia dan peserta bukan Islam untuk mempelajari, memahami dan menggunakan tulisan Jawi dalam kehidupan masyarakat berbilang kaum di negara kita.



Barisan pemenang Pertandingan *Doodle* Jawi dan Pertandingan Seni Khat Jawi.



Bengkel Klinik Jawi Siri 2 turut disertai oleh peserta bukan beragama Islam.



Sebahagian daripada peserta bengkel Klinik Dr. Jawi Siri 2.



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



SINGGAH *Santai @ PNM*

#relaksladulu

**KELUARGA MALAYSIA:
BANGKIT MAJU, MAKMUR, DAN SEJAHTERA**


**24 SEPTEMBER 2022 (SABTU)
9.00 PAGI - 5.00 PETANG
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA**


PENYERTAAN
PERCUMA

 www.pnm.gov.my


 [PerpustakaanNegaraMalaysia](https://www.facebook.com/PerpustakaanNegaraMalaysia)

 [PNM_Rasmi](https://twitter.com/PNM_Rasmi)

 [pnm_rasmi](https://www.instagram.com/pnm_rasmi)

 [pnmytube](https://www.youtube.com/pnmytube)

 [PNMRasmi](https://www.telegram.com/PNMRasmi)

 [pnmsaluransosial2](https://www.pnmsaluransosial2.com)

 [pnm_rasmi](https://www.tiktok.com/pnm_rasmi)





KELUARGA MALAYSIA: BANGKIT MAJU, MAKMUR DAN SEJAHTERA

**24 SEPTEMBER 2022 (SABTU)
9.00 PAGI - 5.00 PETANG
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA**

**SEMBANG KERJAYA, BENGKEL LITERASI
MAKLUMAT & BICARA KELUARGA**

**CAR BOOK SALE, FOOD TRUCK & GERAI
KEUSAHAWANAN**

PROMOSI KOLEKSI & PERKHIDMATAN PNM

**PROGRAM KANAK-
KANAK, REMAJA, KELUARGA**

**PELBAGAI PAMERAN PERKHIDMATAN
& AGENSI**

BICARA INTELEKTUAL 2022

Berani Berubah, Kembali Membara



Oleh : Nurfatim Athirah binti Rahmat

Bicara Intelktual 2022 anjuran Pusat Rujukan Malaysiana Dan Luar Negara (PRMLN), merupakan satu program ilmiah yang diadakan setiap tahun bagi menyokong pendidikan sepanjang hayat bagi memenuhi keperluan masyarakat bermaklumat dan berilmu. Pembicara jemputan bagi Bicara Intelktual 2022 menampilkan penceramah bebas juga dikenali sebagai pakar motivasi Encik Amin bin Idris.

Program anjuran Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) ini juga merupakan manifestasi PNM sebagai medium penyebaran maklumat negara dan menerapkan nilai-nilai murni kepada masyarakat. Dengan bertemakan topik "Berani Berubah, Kembali Membara" perkongsian ilmu yang dikongsi oleh pembicara, Encik Amin bin Idris salah satunya ialah untuk kita berani berubah, seseorang itu perlu ada 'Big Why' dalam kehidupan untuk terus positif dan bersikap proaktif. Selain itu,

takut akan perubahan juga membawa kepada kegagalan dalam apa jua yang dilakukan selain terperangkap di dalam zon selesa atau berada di takuk lama. Program bicara intelektual ini telah dimudahcarakan oleh Encik Wan Yuhaimisham bin Wan Yusoff daripada Perpustakaan Negara Malaysia sendiri selaku moderator. Sinergi di antara pembicara dan Encik Wan Yuhaimisham Wan Yusoff sebagai moderator telah membantu melonjakkan program bicara intelektual kali ini mencapai objektif penganjurannya.



Gambar kenang-kenangan bersama para peserta yang menghadiri secara fizikal di Aras 10, Menara PNM.

Program ini dijalankan secara fizikal dan disiarkan secara langsung di saluran TV PNM ini telah diadakan pada 3 Oktober 2022 (Isnin) selama dua (2) jam pada pukul 10.00 pagi sehingga 12.00 tengah hari di Ruang Legar Aras 10, Menara PNM.

Kursus Pengukuhan Imej dan Etika Korporat

Oleh :
Nur Azura binti Che Noor
dan Siti Diana binti Dahlan

PUSPANITA Cawangan Kecil Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) melalui Biro Sosial telah menganjurkan Kursus Pengukuhan Imej dan Etika Korporat pada 12 Oktober 2022 (Rabu), 9.00 pagi hingga 1.00 tengah hari bertempat di Bilik Syarahan, Aras 5, Anjung Bestari PNM. Kursus ini dibimbing oleh Perunding Imej dan Etika Profesional Bertauliah iaitu Puan Muna 'Izzah binti Fadzil.

Seramai 50 orang telah menyertai kursus ini yang terdiri daripada 35 orang ahli PUSPANITA Cawangan Kecil PNM dan 15 orang peserta dari PUSPANITA Cawangan Kecil Agensi bawah MOTAC iaitu daripada PUSPANITA Cawangan Kecil Istana Budaya, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Jabatan Muzium Malaysia (JMM), Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Balai Seni Visual Negara (BSVN) dan Tourism Malaysia (TM).



Puan Muna 'Izzah binti Fadzil (memegang mikrofon) memberi taklimat mengenai imej dan etika korporat kepada peserta kursus.

Objektif kursus ini adalah untuk:

- Memberikan perubahan terhadap cara berfikir, sikap yang menyenangkan dan meningkatkan keyakinan diri peserta;
- Membina dan mengukuhkan imej profesional dan korporat serta disiplin kakitangan; dan
- Membantu kakitangan dalam menyelesaikan situasi dalam urusan kerja secara profesional.

Kursus ini dilaksanakan secara santai namun mampu memberikan impak yang besar bagi tujuan pengukuhan imej dalam kalangan peserta. Peserta kursus dibahagikan kepada enam (6) kumpulan dan penceramah memberikan penerangan serta penilaian mengenai imej profesional yang betul pada setiap kumpulan. Antaranya adalah seperti penggunaan warna pakaian dan aksesori yang sesuai untuk ke pejabat.



Sesi Make Over.

JOM SUKAN PNM 2022

Oleh:
Siti Rohani binti Rahmat dan
Siti Diana binti Dahlan

Program Jom Sukan PNM 2022 telah diadakan pada 15 Oktober 2022 (Sabtu) bertempat di KSL Sport Centre Setapak, Kuala Lumpur. Program tersebut telah dirasmikan oleh YBrs. Encik Edy Irwan bin Zulkafli, Timbalan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).

Program yang julung kalinya dianjurkan oleh PUSPANITA Cawangan Kecil PNM dengan kerjasama Biro Sukan, Kelab PNM diadakan sempena Hari Sukan Negara (HSN) dan Bulan Malaysia Sihat Sejahtera (BMSS). Objektif program ini adalah untuk menjadikan warga kakitangan PNM sentiasa kekal aktif, sihat dan cerdas serta untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim serta mengukuhkan ukhuwah antara satu sama lain.

Antara acara sukan yang dipertandingkan adalah Bola Jaring dan Futsal. Seramai 100 orang kakitangan PNM telah menyertai acara tersebut. Program sukan bermula pada jam 9.00 pagi sehingga 1.00 tengah hari.

Sebanyak lima (5) pasukan telah menyertai setiap acara sukan tersebut seperti berikut:

| BOLA JARING | WAKIL BAHAGIAN |
|-------------|--------------------------|
| Pengurusan | Pengurusan PNM |
| Syulit Satu | BPSA, BKK, PBN dan URLN |
| Iron Women | BRSP, BKD dan BPjmn |
| P.I.M | BPPD, BPP, BKNP dan BP |
| Black Widow | BPK, PPTN, BKPSM dan BTM |

| FUTSAL | WAKIL BAHAGIAN |
|----------------|-------------------------|
| Gering FC | BKPSM, BPMI dan BTM |
| Last Minute FC | BPSA, BPjmn dan PERDANA |
| Apa-Apa FC | BPK dan PPTN |
| Kaki Bangku FC | PRMLN |
| P.I.M | BPPD, BKNP, BPP dan BP |



Program Jom Sukan 2022 telah dirasmikan oleh YBrs. Encik Edy Irwan bin Zulkafli, Timbalan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).



YBrs. Encik Edy Irwan bin Zulkafli menendang bola sebagai simbolik kepada perasmian majlis.

Senarai pemenang bagi kedua-dua acara adalah seperti berikut:

| KATEGORI | BOLA JARING | FUTSAL |
|------------|-------------|----------------|
| Johan | Syulit Satu | Apa-Apa FC |
| Naib Johan | Pengurusan | Gering FC |
| Ketiga | Iron Women | Last Minute FC |

| KATEGORI LAIN | PEMENANG |
|-----------------------------|-------------------------------|
| Permainan Terbaik Lelaki | Encik Muhamad Izriq bin Ikmal |
| Permainan Terbaik Perempuan | Puan Suhaila binti Abd Rahman |
| Kumpulan Terbaik | Iron Women |



Peserta Jom Sukan PNM 2022.



Johan Bola Jaring Syulit Syatuuu.



Naib Johan Bola Jaring Pengurusan.



Johan Futsal Apa-apa FC.



Ketiga Bola Jaring Iron Women.



Naib Johan Futsal Gering FC.



Ketiga Futsal Last Minute FC.



TECHNOLOGY TALK & UPDATE: Leveraging Technology Towards Digital Transformation

Oleh : Suzilawati binti Salamat

Program *Technology Talk & Update: Leveraging Technology Towards Digital Transformation* anjuran Bahagian Pengurusan Projek Digital (PMO) secara hibrid melalui saluran TV PNM dan secara bersemuka di ruang serbaguna Aras 10, Menara PNM, Perpustakaan Negara Malaysia. telah dilaksanakan pada 18 Oktober 2022.

Program ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan dan meningkatkan pengetahuan peserta khususnya kakitangan perpustakaan dengan perkembangan teknologi maklumat, serta menyediakan platform kepada pustakawan dan pengurus maklumat di Malaysia untuk lebih kreatif dan inovatif dalam menyediakan dan memberi perkhidmatan yang berkualiti sesuai dengan perkembangan teknologi terkini. Dua (2) topik telah dikupas oleh penceramah-penceramah hebat dalam bidang teknologi.

"Technology Talk & Update bertujuan untuk memberi pendedahan dan meningkatkan pengetahuan penonton khususnya kepada peserta dan kakitangan perpustakaan"

Kepustakawanan Pintar

Topik pertama yang dibentangkan berjudul *Kepustakawanan Pintar Menerusi Aplikasi SuperApp, Chatbot dan Sistem Maklumat* Kepustakawanan yang dikendalikan oleh T.S Syed Roshan Ashraf bin Seyed Abdul Rahuman daripada Avows Technologies Sdn. Bhd. Topik beliau menyentuh berkaitan SuperApps dan Chatbot yang boleh dilaksanakan di PNM bagi menambah baik penyampaian perkhidmatan sedia ada.



T.S Syed Roshan Ashraf bin Seyed Abdul Rahuman menyampaikan taklimat *Kepustakawanan Pintar*.

Innovating with Data and Google Space

Topik kedua dibentangkan oleh Encik Shahul Hameed Sahib daripada Awantec Systems Sdn Bhd. yang berjudul *Innovating with Data and Google Space*. Encik Shahul Hameed Sahib telah membentangkan serba sedikit berkenaan

ekosistem google yang boleh digunapakai untuk meningkatkan produktiviti kakitangan.



Encik Shahul Hameed Sahib menjelaskan mengenai ekosistem google kepada peserta.

Sambutan amat menggalakkan dengan penyertaan sebanyak 878 peserta melalui saluran TV PNM dan 48 peserta secara bersemuka di Menara PNM. Dengan penganjuran program ini, diharapkan peserta mendapat manfaat dan meningkatkan ilmu serta kefahaman tentang teknologi terkini.



Reruai pameran juga telah diadakan untuk pengunjung.



Peserta yang hadir turut berpeluang berinteraksi dengan penceramah bagi mendapatkan penjelasan lanjut mengenai teknologi terkini.

BENGGKEL BAHASA MELAYU EKSPATRIAT

Oleh : Jasreena binti Jamil

Tenaga pengajar jemputan untuk melaksanakan sesi kepada para peserta ini ialah Puan Hamidah binti Abd. Latif, Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Kosas, Ampang, Selangor. Beliau memberi fokus kepada modul Mengenal Bunyi dan Sebutan, Mengenal Nombor, Mengenal Waktu, Mengenal Diri dan Keluarga serta Sapaan dan Budaya Rakyat Malaysia. Bengkel ini berkonsepkan teori dan amali di mana selain daripada sesi perkongsian teori, para peserta juga diberi peluang untuk membentangkan hasil pembelajaran mereka secara berkumpulan.



Aktiviti penerangan oleh Fasilitator kepada peserta.

Bengkel yang berlangsung selama 6 jam pada 22 Oktober 2022 secara bersemuka ini telah memberi manfaat kepada 26 orang ekspatriat dari pelbagai negara untuk berhimpun di Pepustakaan Negara Malaysia dan menyertai sesi pembelajaran secara berkesan dan produktif.

Bengkel ini diadakan bagi menyokong Gerakan Dekad Bahasa Kebangsaan dan merupakan penganjuran tahun kelapan kepada warganegara asing yang menetap di Malaysia khususnya di Kuala Lumpur.

Bengkel ini memberi fokus kepada kaedah sebutan dan penggunaan bahasa Melayu yang tepat sebagai bahasa komunikasi dalam kalangan warga negara asing dengan masyarakat tempatan yang berada di Malaysia. Program ini merupakan salah satu program utama Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara, Perpustakaan Negara Malaysia. Antara objektif penganjuran bengkel ini ialah untuk meningkatkan kemahiran bertutur dalam bahasa Melayu dalam kalangan warga negara asing dan juga mempromosi serta memartabatkan penggunaan bahasa Melayu.

Peserta yang menyertai program ini antaranya adalah dari Kedutaan Belanda, Belgium, Poland, Venezuela, Mesir, Peru, Zimbabwe, Libya, Suruhanjaya Tinggi Ghana, Suruhanjaya Tinggi Kerajaan Eswatini, pelajar

IPTA dan IPTS serta orang perseorangan. Bengkel ini telah mendapat sambutan dan maklum balas yang baik daripada para peserta serta mengharapkan supaya penganjuran bengkel ini diteruskan bagi menambah pengetahuan dan penguasaan dalam bahasa Melayu. Sijil penyertaan juga diberikan kepada para peserta sebagai bukti penyertaan di dalam bengkel ini.



Salah seorang peserta sedang menelaah nota pembelajaran.



Cikgu Hamidah (kiri) sedang membantu peserta untuk menyebut perkataan di dalam bahasa Melayu.



Sesi pembentangan individu di mana peserta membuat pembentangan ringkas dalam bahasa Melayu.



YBrs. Prof. Dr. Muhammad Mustaqim Mohd Zarif sedang menunjukkan beberapa buah manuskrip Melayu kepada para peserta bengkel.

BENGGEL KODIKOLOGI DAN PALEOGRAFI MANUSKRIP MELAYU JULUNG KALINYA DIANJURKAN PNM

Oleh : Fatimah binti Abdul Hai

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) menerusi Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu (PKMM) telah menganjurkan Bengkel Kodikologi dan Paleografi Manuskrip Melayu 2022 pada 25-26 Oktober 2022 di Bilik Syarahan, Anjung Bestari, PNM.

Bengkel ini telah menampilkan barisan penceramah dan tenaga pengajar yang hebat dan berwibawa dalam kalangan pakar rujuk manuskrip Melayu khususnya dalam bidang kodikologi dan paleografi iaitu YBrs. Prof. Dr. Muhammad Mustaqim bin Mohd Zarif, Profesor Pengajian Islam dan Manuskrip (Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan YBrs. Dr. Hj. Wan Ali bin Wan Mamat, Fellow Akademik Kanan, Institut Pemikiran dan Tamadun Islam Antarabangsa, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA). Selain itu penceramah bengkel ini juga turut melibatkan dua (2) orang pegawai kanan daripada PNM iaitu Puan Fatimah binti Abdul Hai, Timbalan Pengarah Kanan Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu dan Encik Tamimi bin Taib, Timbalan Pengarah Bahagian Sumber Elektronik.

Bengkel ini dianjurkan bertujuan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran para peserta dalam bidang dan subbidang kajian berkaitan manuskrip Melayu seperti filologi (merujuk kepada kajian teks/naskhah), kodikologi (kajian terhadap bentuk fizikal naskhah dan tulisannya serta sejarah fizikal) dan paleografi (cabang ilmu, susus galur tulisan dan bentuknya).

Selain itu bengkel ini juga turut memberi pendedahan asas mengenai pengurusan manuskrip Melayu merangkumi pengesanan, pendokumentasian, pemeliharaan dan pemuliharaan koleksi manuskrip Melayu. Sepanjang dua hari penganjuran bengkel ini para peserta telah diberi pendedahan asas mengenai aspek-aspek fizikal manuskrip Melayu seperti jenis-jenis kertas yang digunakan, dakwat dan peralatan, ragam hias, tera air, jenis-jenis penjilidan dan lain-lain serta aspek paleografi seperti sejarah tulisan dan jenis-jenis tulisan kuno serta selain berpeluang mempelajari seni tulisan khat dan menulis tulisan khat.

**Bengkel
KODIKOLOGI &
PALEOGRAFI
Manuskrip Melayu**

25 & 26 Oktober 2022 (Selasa & Rabu)
8:30 pagi - 4:30 petang
Bilik Syarahan I & 2
Aras 5, Anjung Bestari, Perpustakaan Negara Malaysia

**Yuran
Penyertaan
RM200.00**

Sila imbas
Kod QR untuk
pendaftaran

Kandungan Bengkel

- Sesi I Sejarah, Fungsi dan Aktifiti/Program Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu Perpustakaan Negara Malaysia
- Sesi II & III Pengenalan, Teori dan Amali Kodikologi
- Sesi IV & V Pengenalan, Teori dan Amali Paleografi
- Sesi VI Pemeliharaan dan Pemuliharaan Manuskrip Melayu

Bengkel yang berlangsung selama dua (2) hari ini menggunakan pendekatan taklimat, ceramah, latihan berkumpulan dan sesi amali/ praktikal berdasarkan topik yang telah ditetapkan.

Seramai 38 orang peserta dari pelbagai profesion dan latar belakang telah menyertai bengkel ini merangkumi pustakawan, pensyarah, kurator, penyelidik, penuntut IPT dan orang awam.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan Bengkel Kodikologi dan Paleografi Manuskrip Melayu adalah penting sebagai antara usaha menyerlahkan peranan PKMM sebagai pusat penyelidikan terulung di rantau ini dan dunia sekaligus melahirkan pakar bidang perkara (SME) manuskrip Melayu untuk tempoh jangka panjang.



YBrs. Dr. Haji Wan Ali bin Wan Mamat sedang menerangkan berkaitan paleografi yang merupakan salah satu aspek penting dalam manuskrip Melayu.

MAJLIS PELANCARAN & TAYANGAN PERDANA: DOKUMENTASI KHAS KALAM KARYAWAN (SN DATUK DR. SITI ZAINON BINTI ISMAIL) DAN DOKUMENTARI KOLEKSI NADIR MALAYSIANA

Oleh : Muhammad bin Abdullah

Tanggal 26 Oktober 2022 (Khamis) menyaksikan Majlis Pelancaran dan Tayangan Perdana Dokumentari Khas Kalam Karyawan (SN Datuk Dr. Siti Zainon binti Ismail) dan Dokumentari Koleksi Nadir Malaysiana telah diadakan di Aras 10, Menara PNM, Perpustakaan Negara Malaysia. Program yang bermula pada pukul 10:00 pagi itu mengetengahkan dua buah dokumentari yang dihasilkan oleh PNM dalam usaha mempromosi tokoh yang telah banyak berjasa dalam bidang kesusasteraan dan kebudayaan di Malaysia. Dokumentari Khas Kalam Karyawan ini menceritakan susur galur kehidupan SN Datuk Dr. Siti Zainon dari zaman kanak-kanak hinggalah kepada sumbangannya yang besar terhadap tanah air sebagai Sasterawan Negara ke-14.



Perasmian program oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) MOTAC, YBrs. Encik Encik Mohd Yusri bin Mohd Yusoff (kiri) sambil diiringi oleh Timbalan Ketua Pengarah PNM, YBrs. Encik Edy Irwan bin Zulkafli (kanan)

Penghasilan Dokumentari Koleksi Nadir Malaysiana yang bertajuk "Kembara Naskhah 1631M" pula adalah usaha PNM dalam mempelbagaikan medium penyampaian

maklumat kepada masyarakat agar cakna terhadap Koleksi Nadir Malaysiana yang merupakan warisan intelektual negara khususnya naskhah tertua yang berada dalam simpanan PNM yang berusia 391 tahun.


Pelancaran dua buah dokumentari ini disempurnakan oleh YBrs. Encik Mohd Yusri bin Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC). Menurut beliau, pelancaran dokumentari ini sejajar dengan aspirasi Dasar Kebudayaan Negara bagi membina negara Malaysia sebagai negara yang mempunyai rakyat berbudaya tinggi. "Saya optimis dengan terbitnya dokumentari yang terisi dengan maklumat yang sahih daripada pelbagai sumber yang kemudiannya dipersembahkan dalam bentuk yang menarik dan kreatif serta publisiti yang aktif menerusi media sosial berpotensi untuk menjadikan dokumentari ini sebagai bahan rujukan sejarah yang berharga." Ujar YBrs. Encik Mohd Yusri bin Mohd Yusoff.



YBhg. SN Datuk Dr. Siti Zainon Ismail menyampaikan ucapan kepada hadirin.

Majlis pelancaran dan tayangan perdana ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada penonton di mana seramai 86 orang yang terdiri daripada penggiat budaya, pelajar universiti, penyelidik, kakitangan

daripada agensi awam dan swasta serta pengamal media telah hadir menyaksikan secara fizikal manakala seramai 147 orang menonton secara dalam talian. Para hadirin juga telah berpeluang menyaksikan Pameran Mini Kalam Karyawan dan Pameran Koleksi Nadir Malaysiana sejurus selepas majlis tamat.



Kamus 'Dictionarivm Malaico-Latinvm' merupakan kamus yang diterbitkan di Rom pada tahun 1631. Ia merupakan kamus terjemahan Bahasa Melayu kepada Latin dan Latin kepada Bahasa Melayu. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah memperoleh kamus ini dan telah ditempatkan di seksyen Malaysiana PNM.

Proses perolehan kamus ini telah didokumentasikan dengan judul 'Dokumentari Kembara Naskhah 1631M dan boleh ditonton di saluran TV PNM: www.youtube.com/pnmytube



BACAAN KEGEMARAN SAYA



Encik Kamarul Bahrin membicarakan berkenaan isi kandungan buku kegemaran beliau bertajuk *Keluarga Gerilya*.

Program Bacaan Kegemaran Saya (BKS) telah diadakan pada 28 Oktober 2022 bertempat di Aras 10, Menara PNM, Perpustakaan Negara Malaysia. Program ini juga telah disiarkan secara langsung melalui TV PNM. Program tersebut merupakan kesinambungan Program Dariku Untukmu yang telah dilancarkan oleh YB Datuk Seri Dr. Santhara Kumar J.P, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya pada 14 Ogos 2022 di SK Sepinang, Segamat, Johor yang bertujuan untuk menggalakkan orang ramai menanam minat membaca dan berkongsi maklumat berkaitan kandungan yang menarik daripada buku atau bahan bacaan yang dibaca. Tetamu program BKS adalah Encik Kamarul Bahrin bin Haron, seorang wartawan bebas, manakala moderator pada program tersebut adalah Encik Yazid Ibrahim, Timbalan Pengarah Bahagian Gerakan Literasi Maklumat, PNM. Tajuk buku yang dikupas oleh beliau pada sesi tersebut bertajuk *Keluarga Gerilya* oleh Pramoeđa Ananta Toer dan *The Great War for Civilisation* oleh Robert Fisk.



IFLA Regional Workshop: Towards a Sustainable Library Field in Asia-Oceania



IFLA Regional Workshop: Towards a Sustainable Library Field in Asia-Oceania telah dianjurkan oleh IFLA pada 14 hingga 16 November 2022 di Bangkok, Thailand. Tema bengkel ini adalah Libraries: Building a Sustainable Future. Penganjuran bengkel ini memberi ruang dan peluang bagi membincangkan perkara-perkara utama bagi menyokong pembangunan masyarakat pada masa hadapan. YBrs. Puan Salasiah binti Abdul Wahab, Ketua Pengarah PNM dan Encik Charles Brilee, Timbalan Pengarah (K) BPSA turut menghadiri bengkel ini.





Ketua Pengarah PNM, YBrs. Puan Salasih binti Abdul Wahab memegang buku *The Legacy of Malay Manuscripts* dibawah Koleksi Bahan Rujukan Luar Negara di Perpustakaan Negara Thailand




KESANTUNAN BAHASA DALAM CITRA KEHIDUPAN KELUARGA MALAYSIA

Pelbagai program dan aktiviti yang berorientasikan amalan budaya nilai tinggi telah dirancang dan dilaksanakan oleh pelbagai jabatan dan agensi di bawah MOTAC. Selaras dengan hasrat ini, Perpustakaan Negara Malaysia menerusi Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu (PKMM) yang berperanan sebagai pusat penyebaran ilmu dan maklumat turut menyokong 'Kempen Semarak Budi Bahasa Budaya Kita' dengan menjalankan Program Wacana Minda : Kesantunan Bahasa dalam Citra Kehidupan Keluarga Malaysia.

Objektif penganjuran program ini adalah antara lain menyuburkan penghayatan dan pengamalan budaya nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di Malaysia dari aspek bahasa, meningkatkan kesedaran masyarakat khususnya dalam kalangan golongan muda mengenai aspek kesantunan bahasa yang merupakan salah satu asas kepada pembentukan jati diri serta mengangkat martabat bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan dalam kalangan Keluarga Malaysia.

Program ini telah bersiaran secara langsung menerusi saluran TV PNM dan mendapat sambutan yang menggalakkan. Seramai 285 penonton telah menonton program ini secara langsung dan sebanyak 1,633 penonton keseluruhan direkodkan bagi tontonan program ini sehingga 31 November 2022. Adalah diharapkan agar masyarakat Malaysia mendapat manfaat serta kesedaran mengenai isu kesantunan berbahasa dalam memperkasakan perpaduan demi menjaga keharmonian negara.



Pembicara Program Wacana Minda sedang mengupas isu-isu kebahasaan khususnya mengenai kesantunan berbahasa dalam kalangan masyarakat Malaysia

PNM BERPINDAH KE KPN

Perdana Menteri Malaysia ke-10, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim telah mengumumkan pembentukan kabinet baharu pada 9 Disember 2022. Susulan daripada pengumuman itu, berlaku beberapa perubahan kepada kementerian dan jabatan/agensi.

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) yang diselia oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) sebelum ini turut terlibat dalam perubahan ini. PNM telah dipindahkan kepada kementerian yang baharu iaitu Kementerian Perpaduan Negara (KPN). Turut dipindahkan daripada MOTAC kepada KPN ialah Jabatan Muzium Malaysia dan Arkib Negara Malaysia.



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Logo PNM di bawah MOTAC.



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Logo PNM yang baharu di bawah KPN.



Lawatan Kerja YB Menteri Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara ke Perpustakaan Negara Malaysia (PNM)

Lawatan Kerja YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara ke Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah diadakan pada 15 Disember 2022 (Khamis). Lawatan kerja ini adalah bertujuan untuk meninjau dan melihat perkembangan, pengoperasian serta peranan terkini PNM. Selain itu, ia juga merupakan platform kepada YB Menteri untuk menyampaikan amanat kepada PNM.

Rombongan YB Menteri telah dibawa melawat ke Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu (PKMM) dan berpeluang melihat Sesi Demonstrasi Dr. Buku Manuskrip Melayu. Turut hadir bersama semasa lawatan kerja ini adalah YBhg. Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, pegawai dari pada Pejabat Menteri dan pegawai tertinggi Kementerian Perpaduan Negara.



YBrs. Puan Salasiah binti Abdul Wahab (kanan) memperkenalkan buku manuskrip Melayu terbitan PNM kepada YB Datuk Aaron Ago Dagang (kiri).



YB Datuk Aaron Ago Dagang (dua dari kiri) diperkenalkan dengan salah satu manuskrip Melayu.



YB Datuk Aaron Ago Dagang (dua dari kiri) diberi penerangan mengenai proses pemuliharaan buku.

KUNJUNGAN HORMAT DAN LAWATAN KERJA KE PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA (PNM)

PNM adalah tempat utama untuk dilawat dan untuk mendapatkan ilmu dalam bidang-bidang tertentu. Antara bahagian yang menjadi keutamaan untuk dilawat oleh pelbagai agensi, institusi dan sekolah adalah di bahagian Pusat Manuskrip Melayu, Pemuliharaan dan Pemeliharaan, Koleksi Nadir dan Peribadi dan Perpustakaan Kanak-kanak.



Kunjungan Hormat daripada Delegasi *National Library for Children and Young Adult Korea Selatan (NLCYA)* ke PNM

Tarikh: 8 September 2022.

Lawatan ini bertujuan untuk menanda aras dan pertukaran idea bersama mereka.



Korea International Storytellers Association (KISA): Storytelling and Culture

Tarikh: 9 September 2022.

Pelbagai aktiviti telah dibawakan kepada kanak-kanak di Perpustakaan Kanak-Kanak.



Lawatan Kerja oleh YBrs. Encik Mohd Yusri bin Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) MOTAC ke PNM

Tarikh: 13 September 2022.

Lawatan ini bertujuan untuk meninjau dan melihat perkembangan, pengoperasian serta peranan terkini PNM.



Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Rambai, Melaka

Tarikh: 15 September 2022.
 Jumlah orang: 30 orang murid dan 4 orang guru.



SMK Intan Perdana, Port Dickson, Negeri Sembilan

Tarikh: 22 September 2022.
 Jumlah orang: 34 orang murid dan 4 orang guru.



Kolej Vokasional Temerloh, Pahang

Tarikh: 5 Oktober 2022.
 Jumlah orang: 18 orang kakitangan.



Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

Tarikh: 21 Disember 2022.
 Jumlah orang: 10 orang kakitangan.



Tarikh: 28 Disember 2022.
 Jumlah orang: 50 orang murid dan 7 orang guru.

**Tadika Didikan TAQWA
 PLT Littel Caliphs
 Paragon Utama Batu Caves,
 Selangor**

Riang Ria Cuti Sekolah

Perpustakaan Negara Malaysia Disember 2022

Let's Read With Me Book

10 DISEMBER 2022
(Sabtu)

11.00 pagi - 12.00 tengah hari
Perpustakaan
Kanak-Kanak, PNM

Projek DIY: Rantai Kunci Comel

13 DISEMBER 2022
(Selasa)

11.00 pagi - 12.00 tengah hari
Perpustakaan
Kanak-Kanak, PNM

Layang-Layang di Awan Biru

13 DISEMBER 2022
(Selasa)

11.00 pagi - 12.00 tengah hari
Perpustakaan
Buku2u@Radia, Bukit
Jelutong

Kitaran Air!

15 DISEMBER 2022
(Khamis)

11.00 pagi - 12.00 tengah hari
Perpustakaan
Kanak-Kanak, PNM

Dengarkan Ceritaku

17 DISEMBER 2022
(Sabtu)

11.00 pagi - 12.00 tengah hari
Perpustakaan
Kanak-Kanak, PNM

Lampu Ajaib???

20 DISEMBER 2022
(Selasa)

11.00 pagi - 12.00 tengah hari
Perpustakaan
Kanak-Kanak, PNM

DIY Shopping Bag

21 DISEMBER 2022
(Rabu)

11.00 pagi - 12.00 tengah hari
Perpustakaan
Awam Bukit Damansara
(PABD)

Spinning Planets

22 DISEMBER 2022
(Khamis)

11.00 pagi - 12.00 tengah hari
Perpustakaan
Kanak-Kanak, PNM

Projek DIY: Rantai Kunci Comel

27 DISEMBER 2022
(Selasa)

11.00 pagi - 12.00 tengah hari
Perpustakaan
Komuniti Mahkota Cheras
(PKMC)

Digital Coding

27 DISEMBER 2022
(Selasa)

10.30 pagi - 11.30 tengah hari
Makmal Komputer, Aras 5,
Anjung Bestari, PNM

Projek DIY: Topi Comel

28 DISEMBER 2022
(Rabu)

11.00 pagi - 12.00 tengah hari
Perpustakaan
Kanak-Kanak, PNM

Digital Coding

29 DISEMBER 2022
(Khamis)

10.30 pagi - 11.30 pagi
Makmal Komputer, Aras 5,
Anjung Bestari, PNM

Teknik Membaca

29 DISEMBER 2022
(Khamis)

11.00 pagi - 12.00 tengah hari
Perpustakaan
Kanak-Kanak, PNM

Projek DIY: Topi Saya

29 DISEMBER 2022
(Khamis)

11.00 pagi - 12.00 tengah hari
Perpustakaan Komuniti AEON
AU2 Setiawangsa
(PKAU2)



HUBUNGI KAMI UNTUK
KETERANGAN LANJUT

PN. ERLINA : 03-2687 1769
PN. SUZEANITA : 03-2687 1711
KAUNTER PKK : 03-2687 1714/15



EKSPLORASI DIGITAL@u-PUSTAKA

Bahagian Sumber Elektronik (BSE) telah melaksanakan sebanyak enam (6) Program Eksplorasi Digital sepanjang September hingga Disember 2022. Program ini dijalankan bertujuan untuk mendidik pengguna mengakses pangkalan data berkaitan dengan berkesan. Pangkalan-pangkalan data ini merupakan pangkalan data yang dilanggan oleh Perpustakaan Negara Malaysia dan diberi akses kepada pengguna secara percuma. Pangkalan data ini boleh diakses melalui www.u-pustaka.gov.my.

EKSPLORASI DIGITAL @ U-PUSTAKA 2022
LATIHAN PANGKALAN DATA SIRI 2/2022

SEP 8, 2022 (KHAMIS)
10.00 - 11.30 PAGI

Coach Bahraen
Pengajar i-LEARN Ace

www.ilearnace.com

UPSR 4 SUBJEK | PT3 6 SUBJEK | SPM 13 SUBJEK

Exploration of Digital Library Resource @u-Pustaka 2022

"How to set up the Personal Account in J-GATE and what are the benefits"

OCTOBER 27 (THU) 10:00AM

Speaker: Peter Chung
Director, Dynalys Global Sdn. Bhd.

Join us at:
<https://zoom.us/j/943776874532>
Meeting ID: 943 7768 2453
Passcode: 420847

EKSPLORASI DIGITAL @u-Pustaka 2022

Latihan Pengguna Portal Ustaka

13 OKTOBER 2022
JAM 10 - 11.30 PAGI

Exploration of Digital Library Resource with u-Pustaka 2022

Me Books Live Demo & Storytelling Session

Clinton Jeremiah
Me Books Live

11 Sept 2022 (Thurs) | 10.00 - 11.30 am

Eksplorasi Digital@u-Pustaka 2022

LATIHAN PENGGUNAAN PANGKALAN DATA UNDANG-UNDANG TERBESAR MALAYSIA- eLaw

Start Searching Now!

22 SEPTEMBER 2022

Syed Abu Dahir
Pakar Pengiraan Perkhidmatan Pelanggan eLaw

Bazli Anuar
Pengajar Jabatan Sarananta

Eksplorasi Digital @u-Pustaka 2022

Latihan Penggunaan Pangkalan Data PNM ELIB

Tenaga Pengerus Portal E-Sentral
Nur Eleena Farhah, Pengerus Portal E-Sentral

Hadiah menarik semasa kuzul, 10 hadiah kuzul menanti termasuk 2 hadiah utama!

24 November 2022 (khamis)
10.00 pagi-11.30 pagi



“
ILMU
cahaya yang menerangi kejahilan,
MEMBACA
sumber yang membekalkan pengetahuan.”

- Zulmazli Mahadi -



Perpustakaan Negara Malaysia

232 Jalan Tun Razak, 50572 Kuala Lumpur

T. 603 2687 1700 | F. 603 2694 2490

www.pnm.gov.my

www.u-pustaka.gov.my



www.pnm.gov.my



[PerpustakaanNegaraMalaysia](https://www.facebook.com/PerpustakaanNegaraMalaysia)



[PNM_Rasmi](https://twitter.com/PNM_Rasmi)



[pnm_rasmi](https://www.instagram.com/pnm_rasmi)



[pnmytube](https://www.youtube.com/pnmytube)



[PNMrasmi](https://www.telegram.com/PNMrasmi)



[pnmsaluransosial2](https://www.pnmsaluransosial2)



[pnm_rasmi](https://www.tiktok.com/pnm_rasmi)

ISSN: 0128-8679



0128 8679